



**Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,**

**YBrs/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,**

**Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.**

<b>1.</b>	<b>TAJUK</b>	<b>CUEPACS MINTA SEGERA NAIKKAN KADAR GAJI MINIMUM</b>
	<b>SUMBER</b>	<b>BH (29 JANUARI 2024)</b>
	<b>BIDANG PERKARA/SUBJEK</b>	<b>PERKHIDMATAN AWAM</b>
	<b>MUKA SURAT/RUANGAN</b>	<b>8 (NASIONAL)</b>

## CUEPACS minta segera naikkan kadar gaji minimum

**Kuala Nerus:** CUEPACS menggesa kerajaan segera memperkenalkan kadar gaji minimum yang lebih baik untuk penjawat awam, tanpa menunggu hasil kajian dan pelaksanaan Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA) yang dilihat berkemungkinan 'terlalu lambat' nanti.

Presidennya, Datuk Dr Adnan Mat, berkata langkah itu adalah penting, terutama bagi membolehkan penjawat awam akan datang mampu bertahan menghadapi peningkatan kos sara hidup sekiranya kerajaan menguakasakan pemansuhan penceن bagi kakitangan awam baharu berstatus tetap selepas ini.

Beliau turut menjelaskan, adalah tidak adil untuk kakitangan awam dianggap sebagai beban negara sedangkan golongan itu hanya hidup ala kadar dengan gaji sedia ada, ditambah lagi dengan isu kenaikan kos sara hidup yang berterusan.

"Dengan gaji kecil, kami tidak mampu menyediakan lebih kemudahan kepada tanggungan dari segi perumahan, kesihatan, pendidikan, pengangkutan atau belanja harian."

"Oleh itu, kami menolak apabila kerajaan mahu memansuhkan skim saraan. Isunya ialah kerajaan mahu memansuhkan (penceن) ketika kadar gaji penjawat awam masih rendah dan tidak mampu memudahkan keluarga sebelum bersara," katanya pada Majlis Solidariti CUEPACS Zon Timur Bersama Presiden CUEPACS Malaysia, di sini, malam kelmarin.

Justeru, Adnan berkata, kenaikan gaji minimum penjawat awam tidak wajar ditangguhan sehingga kajian SSPA disiapkan.

Beliau menjelaskan bahawa hanya dengan kenaikan gaji itu, penjawat awam boleh memiliki simpanan untuk hari tua sekiranya pemansuhan penceن di-



Adnan menyampaikan sijil penghargaan kepada kakitangan CUEPACS pada Majlis Solidariti CUEPACS Zon Timur Bersama Presiden CUEPACS Malaysia, di Kuala Nerus, malam kelmarin.

(Foto BERNAMA)

laksanakan kelak.

Bagaimanapun, katanya, CUEPACS agak kecewa dengan pengumuman kerajaan berhubung perkara itu yang dibuat tanpa kajian bersama, sekali

gus dibimbangi menyebabkan sektor perkhidmatan awam pada masa akan datang tiada sumbangan.

"Kami berharap masih ada ruang perbincangan dengan ke-

rajan dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi mencari kaedah terbaik, seterusnya menjamin kualiti perkhidmatan kepada rakyat tidak terjejas," katanya.

<b>2.</b>	<b>TAJUK</b>	<b>UBAH SKIM PENCEN PERLU DIALOG AWAM, PEMBABITAN LUAS RAKYAT</b>
	<b>SUMBER</b>	<b>BH (29 JANUARI 2024)</b>
	<b>BIDANG PERKARA/SUBJEK</b>	<b>PERKHIDMATAN AWAM</b>
	<b>MUKA SURAT/RUANGAN</b>	<b>10 (MUKASEPULUH)</b>

Isnin, 29 Januari 2024 

**MukaSepuluh**  
E-mel: [bsj@newstimes.com.my](mailto:bsj@newstimes.com.my) BH diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M) Bhd, 31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur.

# Ubah skim pencen perlu dialog awam, pembabitan luas rakyat

• Pendekatan dasar secara tradisional sangat bergantung kepada data berskala luas, tetapi pendekatan berpusatkan rakyat akan mengukuhkan dasar dengan bukti di lapangan lebih kepada 'penyelesaian tempatan'

• Hanya warga berpengetahuan boleh membuat keputusan lebih baik dan mengambil bahagian lebih berkesan dalam proses politik sesebuah negara

Oleh Muhibah Abd Muis  
[bmuis@bh.com.my](mailto:bmuis@bh.com.my)

**Polemik** pemanusiaan skim berperang bagi penjawat awam berstatis terlantarkan bahan dan perubahannya kepada caruman nampaknya mempunyai pelbagai pandangan iaitu maklum kritis. Walau bagaimanapun pada tahap cadangan dan bersifit interim, roakan keran umum terhadapnya jelas memerlukan perhatian lanjut.

Keputusan itu bakan sebatas ditolak CUEPAOS sebagai pemegang tujuan paling tercetus dengan perkara itu, ia turut mendapat reaksi dari kaum Pemuda UMNO, Dr Muhamad Akmal Saleh dan Ketua Pengurusan MCA, Ling Tian Sook.

“Keputusan itu bukanlah soalan itu bersepadan iku pemanusiaan pencen sepatahnya dimulaskan dengan memanusiakan skim pencen wakil rakyat terlebih dahulu, atas prinsip kepemimpinan melalui teladan dan sama rasa, sama rata, tanpa ada perbezaan dan jarak.”

Diperhatikan, dialog dan perbincangan yang sangat mencabar dengan kenyataan kodus dua tokoh ini. Pertama, penerapan prinsip kepemimpinan melalui teladan itu sendiri yang semakin menjis dalam kalangan pemimpin, manakala kedua, keperluan untuk setiap cadangan diteliti dan diperseutui semua pihak, termasuk mengadakan pembabitan awam, terutama rakyat itu sendiri (baca: merakyatkan dasar).

Walauupn dalam amalan demokrasi, mengubah dan mengukuhkan institusi politik lazimnya membabitkan proses dikawal selia oleh Perlembagaan dan undang-undang negara, kepentingan untuk mendapatkan pandangan dan perperusi pembabitan awam tidak boleh diabaikan.

Itu penting kerana setiap usaha melakukan perubahan atau mengukuhkan institusi politik perlu dilaksanakan berdasarkan prinsip demokrasi, keadilan dan permaafkan, selain mematuhi peraturan serta prosedur ditetapkan undang-undang dan Perlembagaan negara.

Namun, pendekatan tradisional dalam pembentukan dan mengukuhkan institusi politik perlu diwujudkan berdasarkan prinsip demokrasi, keadilan dan permaafkan, selain mematuhi peraturan serta prosedur ditetapkan undang-undang dan Perlembagaan negara.

Pertama, pendekatan tradisional dalam pembentukan dan mengukuhkan institusi politik perlu diwujudkan berdasarkan prinsip demokrasi, keadilan dan permaafkan, selain mematuhi peraturan serta prosedur ditetapkan undang-undang dan Perlembagaan negara.

Maka, tiba masa untuk merakyatkan dasar kerajaan dengan meningkatkan pembabitan awam aktif dan kerap setiap kali sesuai keputusan hendak ditutup.

Tindakan ini bukan sahaja membawa pembaharuan dalam institusi politik. Malah, antara cara untuk mengukuhkan sistem membabitkan peningkatan kecekapan dan integrasi dalam pelaksanaan tugas serta fungsi pihagan dalam kerajaan.

Sesera umumnya, merakyatkan dasar adalah satu proses memahatkan penyertaan aktif rakyat dalam proses membuat keputusan dan pelaksanaan prinsip-noga.

Ini membawa kepada peningkatan pembabitan awam, akauntabiliti, dan responsif terhadap keper-

ke atas yang lebih tangkas menerusi kaedah merakyatkan dasar dengan berperang dan bertemu serta maklumat dan pengalaman dan tempatan.

Secara mudah, pendekatan dasar secara tradisional sangat bergantung kepada data berskala luas, tetapi pendekatan berpusatkan rakyat akan mengukuhkan dasar dengan bukti di lapangan lebih kepada 'penyelesaian tempatan'.

Namun, hubungan antara dasar normatif dalam peraturan awam dalam kerangka demokrasi seiring menyukarkan hal itu.

Fungsi birokratik menjadikan pelaksanaan dasar lebih berorientasi teknikal kapada prosedur dan peraturan berbanding dengan nilai awam sebagai tarikh kepada mana-mana dasar awam selaras dengan kehendak demokrasi sebenar.

Persoalan ini mungkin masih lajuh dan terlalu teknikal untuk dilanjutkan. Namun, apa yang berlaku dalam permasalahan pemerkasaan dasar jelas memberi ruhan dan maklumat tentang rancangan dan mendapat sokongan orang ramai.

Kedua, merakyatkan dasar perlu dilakukan dalam peringkat awam. Rakyat harus diberi peluang untuk terbabit secara langsung atau tidak langsung dalam membuat keputusan kerajaan.

Ini mungkin membabitkan pembubaran mekanisme seperti jawatankuasa awam atau forum penyertaan disertai wakil pelbagai segmen masyarakat dan komuniti bersama-sama.

Ketiga, pemebabitan dan kefahaman rakyat bukan kerajaan bersendirian. Kedua-dua golongan ini berperanan penting dalam memantau dan memberikan pandangan bahas terhadap dasar kerajaan berdasarkan keperakan masing-masing.

Kerjasama dengan mereka dapat mengukuhkan proses demokrasi dan meningkatkan kualiti dasar kerajaan bersama-sama.

Tujuan utama aktivis dan kecalonan politik rakyat. Program pendidikan dan kesedaran politik perlu diadakan bagi meningkatkan kefahaman rakyat terhadap proses dan pentadbiran politik.

Hanya warga berpengetahuan boleh membuat keputusan lebih baik dan mengambil bahagian lebih berkesan dalam proses politik sesebuah negara.

Politikratik, proses merakyatkan dasar awam bukanlah tugas sekali sahaja (*one-time task*), tetapi adalah usaha berterusan. Proses merakyatkan dasar awam bertujuan mencari potensi *low-hanging fruits* dalam mencari hasil dingin semasa tanpa berasa tersisih.

Hal ini hanya dapat dicapai sekiranya kerajaan telus dan komited dengan memberikan fokus sebaik dalam melaksanakan dasar awam untuk memenuhi tanggungjawabnya untuk berkhidmat dan memperkasakan rakyat.

Dengan kata lain, rakyat perlu berada di barisan hadapan dalam setiap tindakan diambil kerajaan.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH

<b>TAJUK</b>	<b>PADU BUKTI KEMAHIRAN DIGITAL PENJAWAT AWAM</b>
<b>SUMBER</b>	<b>BH (29 JANUARI 2024)</b>
<b>BIDANG PERKARA/SUBJEK</b>	<b>PERKHIDMATAN AWAM</b>
<b>MUKA SURAT/RUANGAN</b>	<b>11(KOMENTAR)</b>

## PADU bukti kemahiran digital penjawat awam

Oleh Prof Dr Rusli Abdulrahman  
bhrenanca@bf.com.my



Profesor Fakulti  
Sains Komputer  
Teknologi  
Maklumat,  
Universiti Putra  
Malaysia (UPM) dan  
Timbalan Pengerusi  
Kluster Teknologi  
Maklumat dan  
Komunikasi (ICT)  
Majlis Profesor  
Negara

**Pembinaan** Pangkalan Data Utama (PADU) membuktikan kebolehan sektor awam yang berfungsi dengan cemerlang selepas memperlihatkan kemampuan membangunkan sistem aplikasi secara dalaman.

Ini berbeza dengan pembangunan sistem lain seperti MySejahtera yang menggunakan pendekatan pembangunan dilakukan secara luaran.

Ia menunjukkan penjawat awam mempunyai bakat digital komprehensif dari segi pengetahuan teknikal untuk membangunkan sistem PADU hingga boleh beroperasi mengikut keperluan dikehendaki pengguna semasa atau selari teknologi masa kini. Ini termasuk juga memastikan segala kefungsian dan bukan kefungsian keperluan sistem berkenaan dapat beroperasi dengan baik terutama membabitkan prestasi sistem dan keselamatan data.

Dengan membangunkan sistem ini secara dalaman, penyelenggaraan dapat dibuat dengan mudah di samping menjimatkan masa dan kos.

Ia juga memberi peluang kepada penjawat awam membuktikan daya tahan dan bakat, selain mengoptimumkan sumber tenaga demi kepentingan organisasi di sektor awam.

Bagaimanapun, kita perlu mengakui terdapat pelbagai isu dan cabaran perlu ditangani penjawat awam untuk memastikan bakat digital mereka sen-

tiasa relevan hingga dapat menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat di samping memastikannya dapat beroperasi dengan lancar.

Oleh itu, pihak diperlautgungjawabkan perlu memastikan semua ekosistem berkaitan pengurusan infrastruktur ini beroperasi pada setiap masa (24/7) dan boleh dicapai melalui penggunaan peranti pintar seperti telefon pintar.

Ini termasuk memastikan semua pihak terbabit terutama pengguna akhir dapat mencapai sistem berkenaan tanpa mengira di mana berada dan menggunakanannya secara dalam talian termasuk

melalui sistem rangkaian komunikasi 5G.

Malah, antara tidak boleh dikompromi ialah aspek keselamatan dan privasi data secara siber terutama membabitkan pengendalian data serta transaksi kompleks.

Ia juga perlu membabitkan banyak agensi dalam menyokong sistem aplikasi berkenaan yang amat terdedah kepada dunia luar secara siber.

Oleh itu, kerajaan perlu memastikan kemahiran dan pengetahuan penjawat awam terutama yang terbabit dalam PADU sentiasa ditingkatkan dari semasa ke semasa selari dengan perkembangan teknologi terkini yang cepat berubah.

Realitinya, penjawat awam dibekalkan dengan batik digital berupaya memperkasakan mutu perkhidmatan awam negara ke tahap lebih cemerlang dengan syarat saling bekerjasama dalam satu pasukan terutama dalam agenda membangunkan sistem aplikasi seperti PADU supaya dapat diurus dengan efisien dan berkesan.

Kewujudan teknologi terbaru ini juga akan mengubah norma lama perkhidmatan awam kepada norma baharu menekankan aspek atau urusan lebih berbentuk digital secara komprehensif lebih terurus, bersistematik dan beretika.

Apap yang penting, semua pihak terutama rakyat memperoleh perkhidmatan sektor awam terbaik dan bermutu tinggi, di samping negara dapat menjimatkan kos.

Malah, penggunaan sumber secara optimum itu dapat memperkuuhkan dan melestarikan perkhidmatan bagi menjamin kesejahteraan rakyat dapat dipelihara setiap masa.



<b>4.</b>	<b>TAJUK</b>	<b>PENCEN UNTUK PENJAWAT AWAM GAJI RENDAH : KWSP UNTUK GAJI TINGGI</b>
	<b>SUMBER</b>	<b>UTUSAN MALAYSIA (29 JANUARI 2024)</b>
	<b>BIDANG PERKARA/SUBJEK</b>	<b>PERKHIDMATAN AWAM</b>
	<b>MUKA SURAT/RUANGAN</b>	<b>MINDA PENGARANG</b>

## Pencen untuk penjawat awam gaji rendah, KWSP untuk gaji tinggi

- Oleh Adlinahani Binti Khalil
- 29 Januari 2024, 7:49 am

PENAMATAN skim [pencen](#) kepada lantikan baharu penjawat awam mewujudkan pelbagai perdebatan banyak pihak terutama dalam kalangan pemegang taruh seperti Cuepacs, ahli politik dan kakitangan awam sedia ada.

Keputusan kerajaan itu juga ditegaskan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim akan terpakai bagi pelantikan politik iaitu membabitkan mereka yang dilantik dalam Jemaah Menteri, menteri besar dan wakil rakyat.

Mereka yang terlibat tidak bersetuju kerana pendapatan yang terjamin apabila bersara kelak tiba-tiba dihapuskan. Ahli politik yang lebih ‘terluka’ kerana mereka berhak mendapat pencen apabila bertugas selama 18 bulan dan lebih.

Di negara yang ramai ahli politik dan ada menerima sehingga dua, tiga, empat dan lebih pencen atas dasar ‘perkhidmatan kepada rakyat’ walaupun sebahagian mereka tidak layak serta membazirkan wang pembayar cukai.

Kebanyakan yang memberikan komen gagal melihat sepatah ‘can’t see the forest for tree’ iaitu kerana terlalu tertumpu kepada setiap pokok sehingga tidak nampak hutan. Anda mungkin ada mata tetapi tidak semestinya dapat melihat.

Kerajaan membelanjakan RM31 bilion setahun untuk pembayaran pencen kepada pesara. Jumlah itu akan mencapai RM120 bilion setahun pada 2040 yang bersamaan kuasa untuk membina 120 hospital bersaiz sederhana setiap tahun.

Hari ini kerajaan membelanjakan 48 peratus daripada Belanjawan untuk emolumen dan pencen. Bagi Belanjawan 2024, kerajaan memperuntukkan RM95.64 bilion untuk emolumen daripada keseluruhan RM303.8 bilion peruntukan menguruskan negara.

Jika dibandingkan sektor pendidikan hanya menerima RM14.27 bilion manakala kesihatan yang menyelamatkan nyawa setiap hari pula menerima RM6.14 bilion.

Kakitangan kerajaan kini berjumlah kira-kira 1.6 juta dan sebahagian besar termasuk ahli politik yang berkualiti ‘cap ayam’ akan menerima pencen. Ada yang lupa ada lebih tujuh juta pencarum

KWSP aktif sektor swasta daripada hampir 14 juta akaun yang akan bersara kelak bakal hidup tanpa perlindungan pada hari tua.

Data menunjukkan 71 peratus pencarum berusia 55 tahun ke bawah tidak akan cukup dana dan akan berada di bawah paras kemiskinan. Adakah itu keadilan sosial?

Penyelesaian kepada isu ini adalah kerajaan boleh memberikan pencecang kepada lantikan awam baru bergaji rendah atau kategori mereka yang akan tergolong dalam kumpulan miskin tegar apabila bersara kelak.

Kepada kakitangan awam yang mencapai gaji tinggi, pencen harus dihapuskan dan digantikan dengan caruman KWSP. Bagi menyeimbangkan kehilangan pendapatan, caruman kerajaan boleh dinaikkan daripada kadar wajib majikan kepada sehingga 23 peratus sebulan berbanding 13 peratus syarikat swasta ketika ini.

Ini juga membolehkan mereka dalam sektor awam dan skim KWSP bertukar kepada ke sektor awam tanpa kehilangan sebarang manfaat manakala sektor awam dapat menarik mereka yang bergeliga ke sektor awam kerana imbuhan KWSP tinggi.

Kakitangan awam skim KWSP juga boleh diberikan manfaat perlindungan kesihatan di semua hospital kerajaan selepas bersara selain manfaat seperti pinjaman kadar rendah untuk perumahan sebagai insentif berkhidmat dalam kerajaan.

Malaysia tidak akan dapat melakukan henjutan kekayaan kerana kekangan saiz dan sumber kekayaan terhad selain ketiadaan skala ekonomi atau ‘economy of scale’ dan ekonomi domestik yang besar kerana jumlah penduduk Malaysia hanya 33.4 juta berbanding Indonesia 273 juta.

Sebarang skim yang dilaksanakan harus berdasarkan keperluan dan keadilan sosial dan bukan ‘hak’ wajib. Seperti kata-kata ‘have your cake and eat it (too)’ iaitu anda tidak mungkin mendapat semua hanya kerana itu yang diingini.

<b>5.</b>	<b>TAJUK</b>	<b>PERJELAS TAMBAH BAIK SISTEM GANTI PENCEN ELAK KRISIS TENAGA KERJA</b>
	<b>SUMBER</b>	<b>BH (1 FEBRUARI 2024)</b>
	<b>BIDANG PERKARA/SUBJEK</b>	<b>PERKHIDMATAN AWAM</b>
	<b>MUKA SURAT/RUANGAN</b>	<b>11 (KOMENTAR)</b>

# Perjelas tambah baik sistem ganti pencen elak krisis tenaga kerja



Oleh Dr Safiah Omar  
bhrencana@bh.com.my

pensyarah kanan  
di Fakulti  
Perniagaan dan  
Ekonomi,  
Universiti Malaya

**Kerajaan** mengambil keputusan memansuhkan sistem pencen bagi penjawat awam untuk pengambilan baharu bermula 1 Februari atau lebih tepat pada hari ini.

Keputusan ini diambil susulan dakaun ekonomi negara berdepan tekanan disebabkan hutang tinggi serta dana simpanan berkurangan.

Keadilan ekonomi negara masa ini dilihat tidak mampu menampung pembayaran wang pencen kepada pesara pada masa akan datang disebabkan jangkaan jumlah pesara semakin ramai dan jangka hayat usia pesara juga meningkat.

Namun, pemansuhan sistem pencen untuk penjawat awam ini akan memberi kesan besar kepada pentadbiran negara, terutama dalam soal sumber manusia.

Kebanyakan individu yang berminat untuk bekerja dalam sektor awam disebabkan faedah dan manfaat yang ada bersama jawatan itu, terutama sistem pencen.

Melalui sistem pencen, perkhidmatan awam dianggap sebagai pekerjaan memberi jaminan kehidupan selesa selepas mencapai umur persaraan. Sistem pencen juga menjana rasa kekitaan dan patriotisme kepada negara.

Justeru, tanpa pencen, sektor awam dilihat kurang menarik kerana faktor tertentu termasuk gaji rendah, tiada bonus tinggi, kemudahan tidak mencukupi, serta tekanan kerja berbeza berbanding sektor swasta.

Tujuan utama kewujudan sektor swasta adalah memaksimumkan keuntungan pemegang saham

melalui perniagaan produk atau servis.

Tujuan dan misi sektor awam adalah mementingkan aspek pengurusan negara, termasuk keselamatan, kesihatan, pendidikan, sosioekonomi serta kebaikan untuk rakyat.

Oleh itu, jawatan perkhidmatan awam sebenarnya memerlukan ketahanan mental dan fizikal tinggi demi memberi kesejahteraan daripada segala aspek berkepentingan kepada negara.

Sektor swasta sangat kompetitif dan majikan seniasa menyediakan faedah menarik kepada pekerja, terutama jawatan memerlukan kemahiran tinggi.

## Kesihatan antara jawatan berisiko

Sistem Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) digunakan sebagai ganti kepada sistem pencen membolehkan individu berkhidmat dalam sektor awam bertukar kerja pada bila-bila masa tanpa ikatan.

Antara jawatan berisiko termasuk bidang kesi-

**“** Kebanyakan individu yang berminat untuk bekerja dalam sektor awam disebabkan faedah dan manfaat yang ada bersama jawatan itu, terutama sistem pencen **”**

hatan, kejuruteraan, pendidikan, pentadbiran dan kepimpinan, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), peguan dan banyak lagi berkaitan dengan kemahiran tinggi.

Di tambah dengan lantikan baharu yang kebanyakannya daripada generasi muda seperti Gen-Y dan Gen-Z, mereka amat mengutamakan permintaan daripada segi manfaat serta makna dalam pekerjaan.

Justeru, tidak dapat dinafikan kerajaan akan berdepan dengan cabaran untuk mengekalkan bakat muadha pelbagai kemahiran dalam perkhidmatan awam.

Dapatkan kajian pakar ekonomi Amerika Syarikat (AS), Prof Wayne F Cascio dari Universiti Colorado pada 2006 menunjukkan kos penggantian seorang pekerja adalah 2.5 kali ganda daripada gaji semasa bagi sesuatu jawatan terbitan.

Kadar perolehan pekerja mungkin akan lebih tinggi pada masa depan, maka kos pentadbiran pekerja juga turut meningkat selaras dengan keperluan perkhidmatan.

Dalam hal ini, kerajaan dilihat bakal menanggung beban bertambah bukan sahaja dari segi kewangan tetapi juga berdepan kekurangan pekerja mahir pada tahap amat membimbangkan.

Pelbagai aspek perlu diperimbangkan dan ditambah baik untuk menghadapi cabaran ini, namun ia memerlukan tempoh pelaksanaan jangka masa panjang.

Setiap perubahan dalam sistem perkhidmatan awam pasti akan membabitkan soal sumber kewangan. Pengurusan serta pentadbiran kemajuan ekonomi masih perlu diperbaiki segera.

Penjelasan strategi menerangkan maksud penambahbaikan sistem persaraan kepada sistem KWSP juga perlu segera diumumkan kepada orang awam supaya kegelisahan rakyat yang dililiti dengan kenaikan kos sara hidup dapat ditengangkan.

6.	TAJUK	EXPERT URGE CAUTION ON PENSION SYSTEM REVIEW
	SUMBER	THE SUN (1 FEBRUARI 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	PERKHIDMATAN AWAM
	MUKA SURAT/RUANGAN	3 (NATIONAL)

# Experts urge caution on pension system review

○ 'Shift to contributory model complex and requires careful consideration of impact on fiscal sustainability, staff welfare and overall efficiency'

■ BY SIVANISVARRY MORHAN  
[newsdesk@thesundaily.com](mailto:newsdesk@thesundaily.com)

**PETALING JAYA:** The government should reassess the benefits and allowances provided to MPs first before applying them to civil servants, including new hires, said Nusantara Academy for Strategic Research senior research fellow Dr Azmi Hassan.

He was commenting on Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Zahid Hamidi's Jan 24 announcement on introducing a new hiring policy in which civil servants will contribute to retirement schemes like the Employees Provident Fund and Social Security Organisation instead of receiving pensions.

Adding to this, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim said if new civil service hires do not receive a pension, the same should apply to politicians.

Anwar said the proposed move is aimed at addressing long-term fiscal concerns and ensuring the sustainability of current pension obligations.

He also said the government is committed to reviewing and increasing the remuneration rates for civil servants, citing a lack of salary adjustments over the past 12 years.

While expressing support for the transition

to a contributory system, Azmi stressed the importance of enhancing the government's contribution to ensure competitive salaries for civil servants.

On existing compensation for MPs, he said according to the Remuneration Act 1980, they receive a comprehensive package, including a monthly salary of RM16,000 and various allowances that cover attendance at parliamentary sessions and government meetings, entertainment, travel-related expenses, communications and attire.

"In some cases, ex-ministers receive more than one pension. So, the government should be careful before applying any scheme to civil servants."

Azmi also expressed concern over salaries not being revised for over a decade and said the government should appreciate the loyalty of the 1.7 million civil servants.

"This is distressing. The cost of living continues to rise and places civil servants in a challenging situation of coping with the same income for an extended period."

"If the government fails to carry out a proper salary review, then introducing a contributory pension system for new hires will result in the loss of qualified individuals to the private sector."

"This can potentially hamper policy development within critical sectors such as the Foreign Affairs Ministry and the Armed Forces."

Monash University economics lecturer Prof Dr Niaz Asadullah said the proposed shift to a contributory pension system is complex and requires careful consideration of its impact on fiscal sustainability, employee welfare and the overall efficiency of the civil service.

He also expressed concern on the potential impact on its influence on job seekers when contemplating public sector careers.

"The move could discourage high-calibre individuals from joining the civil service, leading to challenges in talent retention and a decline in morale."

"When experienced employees retire or move on, having capable new hires will ensure a smooth transition and continuity in organisational leadership and expertise."

Niaz said without proper adjustments or allocations, new hires, especially those in lower ranks, may face financial hardships after retirement. Hence, the attractiveness of the civil service as a career option may diminish without the pension component.

Niaz said to have a strong and efficient public sector, it is crucial to value the efforts of civil servants as it ensures the continuity and quality of their services.

"If the government moves forward with its reforms, it should maintain transparency, address disparities and ensure competitive salaries as this is crucial to safeguarding the quality and morale of its workforce."

7.	TAJUK	CADANGAN MANSUH PENCEN PERLU LAMPU HIJAU KABINET
	SUMBER	BH ONLINE
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	PERKHIDMATAN AWAM
	MUKA SURAT/RUANGAN	ONLINE (1 FEBRUARI 2024)

## Cadangan mansuh pencen: Perlu lampu hijau Kabinet

Oleh [Mohd Amin Jalil](#) - Februari 1, 2024 @ 8:22pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



REMBAU: Cadangan pemansuhan pencen penjawat awam akan dibentangkan di Parlimen selepas mendapat persetujuan Jemaah Menteri.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata beliau sendiri akan membentangkan cadangan itu di Dewan Rakyat, jika mendapat persetujuan Kabinet.

Katanya, cadangan pemansuhan pencen penjawat awam belum dimuktamadkan dan perlu diperjelas supaya penjawat awam yang baharu, mendapat maklumat yang tepat serta tidak merasakan mereka kelompok orang yang rugi, jika sistem saraan berkenaan dilaksanakan.

"Kalau tanya saya, saya boleh tangguh biar perdana menteri lain yang buat. Tapi sampai di suatu peringkat, tak boleh bayar (pencen). Sebab itu kita kena lihat fakta, unjurannya.

"Kes berkaitan isu pencen penjawat awam ini sudah lama. Semasa saya menjadi menteri kewangan dulu iaitu tahun 90-an, ada cadangan untuk mengkaji semula bahawa keputusan untuk membatalkan skim saraan pencen ini dikemukakan sejak tahun 90an.

"Memang untuk orang politik berbeza. Tapi saya fikir munasabah kalau kita kaji sekali jika bagi penjawat awam ditiadakan, orang politik pun ditiadakan. Namun, ia tertakluk kepada keputusan di Parlimen.

"Kalau Kabinet bersetuju, saya akan bentangkan (di Dewan Rakyat) dan kalau ada Ahli Parlimen hendak tolak, dia tolak tapi saya akan bentang atas tanggungjawab moral," katanya ketika berucap merasmikan Program Penggerak MADANI Negeri Sembilan (Ketua-Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan) di sini, hari ini.

Anwar berkata, kerajaan bersedia mendapatkan pandangan daripada Ahli Parlimen terlebih dulu walaupun mungkin akan ada permintaan daripada mereka untuk mewujudkan elaun khas dan sebagainya seperti penjawat awam.

"Saya akan dengar kerana setakat ini belum lagi bentangkan kepada ahli-ahli Parlimen kecuali perbincangan awal. Sukar bagi saya hendak nyatakan jika dibuat pengecualian kepada orang politik.

"Kalau dia hendak elaun-elaun khas atau lain-lain seperti juga penjawat awam, boleh bincang tetapi dari segi 'consistency' (keseragaman) dalam memperkenalkan sesuatu dasar, ia perlu bersama," katanya.

<b>7.</b>	<b>TAJUK</b>	<b>JAS KEDAH SITA PREMIS PROSES SISA ELEKTRONIK HARAM</b>
	<b>SUMBER</b>	<b>SINAR HARIAN ONLINE</b>
	<b>BIDANG PERKARA/SUBJEK</b>	<b>ALAM SEKITAR</b>
	<b>MUKA SURAT/RUANGAN</b>	<b>ONLINE (1 FEBRUARI 2024)</b>

## JAS Kedah sita premis proses sisa elektronik haram

Oleh : [ROSHILA MURNI ROSLI](#)  
01 Februari 2024 03:16pm



Pegawai JAS Kedah ketika memeriksa buangan elektronik secara haram atau tanpa lesen di sebuah premis di Daerah Kuala Muda.

ALOR SETAR - Jabatan Alam Sekitar (JAS) Kedah mengesahkan sebuah premis yang menjalankan aktiviti penstoran dan pemerolehan kembali buangan elektronik secara haram atau tanpa lesen daripada JAS di Daerah Kuala Muda.

Pengarah JAS Kedah, Sharifah Zakiah Syed Sahab berkata, premis yang terletak di Kawasan Perusahaan Bukit Selambau, Sungai Petani itu diserbu pada Rabu.

Katanya, hasil pemeriksaan mendapati premis terbabit menjalankan aktiviti peleburan sekerap logam.

"Hasil siasatan premis ini pernah memohon dan mendapat Kelulusan Laporan EIA pada 28 Mac 2022 bagi menjalankan proses pulih guna buangan-buangan terjadual bagi kod SW104 (metal dross, dust & slag with copper contents), SW422 (Electronic cables with copper wires) sekerap logam.

"Bagaimanapun, premis didapati gagal memohon lesen dibawah Seksyen 18, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan mendapatkan lain-lain kelulusan serta kebenaran bagi alat-alat kawalan pencemaran," katanya dalam kenyataan di sini pada Khamis.

Menurutnya, dalam serbuan terbabit, JAS menyita sebanyak 214 palet buangan terjadual yang dipercayai buangan elektronik dengan berat anggaran sebanyak 170 metrik tan.

"Premis disyaki cuba untuk menjalankan aktiviti pemerolehan kembali buangan elektronik dengan mencampurkan buangan terjadual tersebut dengan sekerap logam di dalam aktiviti peleburan.

"Pemerhatian awal mendapat kemungkinan sisa elektrik dan elektronik tersebut diimport secara haram melalui pintu-pintu masuk ke negara ini. Bagaimanapun siasatan lanjut sedang diadakan bagi mengesahkan perkara ini," katanya.

Jelasnya, buangan elektronik merupakan buangan terjadual dengan kod buangan SW 110 berdasarkan Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.

"Sebarang aktiviti penstoran luar tapak atau pemerolehan kembali buangan terjadual memerlukan kelulusan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) dan kelulusan lesen di bawah Seksyen 18, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

" Pemerolehan buangan terjadual secara haram tanpa alat-alat kawalan pencemaran boleh menyebabkan berlakunya pencemaran udara di kawasan sekitar," katanya.

Sharifah Zakiah berkata, selain daripada itu, aktiviti tersebut juga berpotensi menyebabkan berlakunya pelupusan haram sisa buangan terjadual yang tidak mempunyai nilai dan juga pelupusan residue Kod SW 501 atau sisa akhir (sisa yang tidak boleh dikitar semula lagi).

"Ia juga boleh menyebabkan pencemaran logam berat kepada udara, tanah, sumber air bawah tanah dan sungai. Pendedahan kepada logam berat juga boleh memudaratkan kesihatan manusia," katanya.

Tambah beliau, premis terbabit akan disiasat berdasarkan perundangan dibawah Seksyen 18(1), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974; Seksyen 34A (6), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Seksyen 34B (1), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

<b>8.</b>	<b>TAJUK</b>	<b>KERAJAAN DIGESA PULIHARA HUTAN SIMPAN ULU MUDA</b>
	<b>SUMBER</b>	<b>BH (2 FEBRUARI 2024)</b>
	<b>BIDANG PERKARA/SUBJEK</b>	<b>ALAM SEKITAR</b>
	<b>MUKA SURAT/RUANGAN</b>	<b>16 (NASIONAL)</b>

16

Nasional

Jumaat, 2 Februari 2024

# Kerajaan digesa pulihara Hutan Simpan Ulu Muda

Inisiatif jamin habitat hidupan liar, kekal kelestarian tanah lembap negara

Oleh Noorazura Abdul Rahman  
bhnews@bh.com.my

**Alor Setar:** Kerajaan digesa untuk terus memulihara Hutan Simpan Ulu Muda berikut ia bukan sahaja penting sebagai sumber air, tetapi juga untuk habitat hidupan liar, termasuk mengekalkan kawasan tanah lembap negara.

Presiden Persatuan Ekologi Malaysia, Prof Dr Ahmad Ismail, berkata sempena sambutan Hari Tanah Lembap Sedunia 2024 yang disambut seluruh dunia hari ini, kesedaran mengenai kepentingan tanah lembap perlu didehdikan kepada masyarakat bagi melindungi kelestarian alam.

Katanya, selain mamalia besar seperti gajah, tapir, rusa dan beruang madu, hutan simpan itu menjadi habitat kepada lebih 300 spesies burung, termasuk 10 spesies burung enggang, sekali gus menjadikan kawasan itu unik dan menarik perhatian dunia.

"BirdLife International mengiktiraf hutan simpan seluas 143,155 hektar sebagai kawasan penting burung dan kepelbagaian biologi atau *important bird and biodiversity area (IBA)* dengan nombor MY002," katanya dalam kenyataan semalam.

Selasa lalu, pemerhati alam sekitar, RimbaWatch sekali lagi mendesak kerajaan Kedah untuk menyiasat kesan pembalakan terhadap kawasan tадahan Hutan Simpan Ulu Muda.

Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) itu dilaporkan berkata, pihaknya tidak menuduh berlaku pembalakan haram di kawasan

hutan berkenaan, sebaliknya hanya mahu menyatakan, mereka mengesan berlaku mendapan di sungai Ulu Muda.

RimbaWatch mahu kerajaan negeri untuk menjelaskan mengapa berlakunya aktiviti pembalakan sedemikian berhampiran kawasan tадahan air di hutan simpan itu.

Mengulas lanjut, Ahmad berkata, Hutan Simpan Ulu Muda memenuhi kriteria nombor satu dan tiga bagi IBA, iaitu habitat untuk haiwan yang terancam di peringkat global dan khusus kepada kumpulan spesies tertentu.

Katanya, spesies mamalia besar yang masih ada dan 10 spesies burung enggang menjadikan hutan simpan itu diiktiraf sebagai kawasan yang berkepentingan antarabangsa.

"Justeru, bagi menjaga kawasan berkepentingan antarabangsa ini, pelbagai program perlu

mendapat sokongan orang ramai. (Foto hisan)

diadakan terutama membabitkan penduduk tempatan dengan diberikan pendidikan berterusan melalui program komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam (CEPA)," katanya.

#### Beri kesedaran orang ramai

Beliau turut mencadangkan semua sekolah sekitar kawasan hutan simpan itu dengan CEPA bagi memberi pengetahuan dan kesedaran tinggi mengenai tanah lembap dan faedahnya kepada manusia.

"Pihak berkuasa seperti, PERHILITAN, Jabatan Perhutanan dan Jabatan Perikanan perlu mendapat sokongan orang ramai

terutamanya penduduk tempatan dan pembabitan universiti berdekatan kawasan hutan simpan itu dialu-alukan membantu program CEPA.

"Jadi sempena sambutan Hari Tanah Lembap Sedunia 2024 bertemakan 'Tanah Lembap dan Keajahteraan Manusia' yang disambut seluruh dunia hari ini, semua sekolah berdekatan kawasan hutan simpan ini seperti Padang Terap, Sik dan Baling atau sekolah lain di Kedah, Perlis dan Pulau Pinang boleh melakukan sesuatu untuk menyatakan sokongan kepada perlindungan dan pemuliharaan tanah lembap," katanya.



Ahmad Ismail



Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi Unit Perpustakaan EiMAS di emel berikut:

1. Mazleen Bt Othman ([mazleen@doe.gov.my](mailto:mazleen@doe.gov.my))
2. Jamilah Binti Abdullah ([jamilah@doe.gov.my](mailto:jamilah@doe.gov.my))
3. Azrawilda Zarza Binti Aznan ([zarza@doe.gov.my](mailto:zarza@doe.gov.my))